

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI SELASA, 28 NOVEMBER 2023, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 26

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PN-1523-L10520
Dato' Haji Husain bin Awang minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan :-
 - (a) apakah tindakan tegas dari Kerajaan dalam mengatasi isu bilik sewa 'sarang burung'; dan
 - (b) bagaimanakah Kementerian memastikan pemilik premis mematuhi garis panduan serta spesifikasi yang ditetapkan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dan pihak berkuasa tempatan (PBT).
2. PN-1523-L10243
Dato' (Dr.) Arman Azha bin Abu Hanifah minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan rangka perancangan Kementerian secara menyeluruh mengenai langkah reformasi percukaian yang akan diperkenalkan kepada rakyat pada tahun hadapan.
3. PN-1523-L10563
Tuan Musoddak bin Ahmad minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan pendekatan yang lebih agresif oleh Malaysia dalam sebarang pertubuhan antarabangsa bagi menghentikan kemaraan rejim Zionis Israel melalui '*ground offensive*' ke atas rakyat Gaza.

4. PN-1523-L10397
Dato' Sivaraj A/L Chandran minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah pihak Kementerian bercadang untuk menyediakan saluran alternatif yang lain untuk membantu golongan pelajar sekolah menengah yang tidak ingin menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) memandangkan terdapat cadangan dari pihak Kementerian untuk mewajibkan pengambilan SPM.

5. PN-1523-L10244
Tan Sri Dato' Low Kian Chuan minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan pendirian Kerajaan untuk membentangkan Rang Undang-Undang Suruhanjaya Keharmonian dan Rekonsiliasi Nasional.

6. PN-1523-L09997
Tuan Manolan bin Mohamad minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan berapakah pembiayaan yang telah diberikan kepada usahawan Orang Asli dari tahun 2020 hingga 2023.

7. PN-1523-L09951
Datuk John Ambrose minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan usaha pihak Kerajaan untuk meningkatkan prestasi penglibatan Bumiputera Sabah di dalam sektor logistik bagi merebut peluang ekonomi yang semakin berkembang kesan daripada pembangunan infrastruktur jaringan perhubungan oleh Kerajaan di Sabah.

8. PN-1523-L10042
Dr. Lingeshwaran A/L Dato' Seri R. Arunasalam minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-
 - (a) sama ada terdapat botol cecair rokok elektronik (vape) di pasaran yang mempunyai dos yang boleh membunuh seseorang; dan

 - (b) jumlah kes keracunan yang disebabkan oleh rokok elektronik yang telah dilaporkan dalam tempoh 5 tahun kebelakangan ini.

9. PN-1523-L10296
Datuk Lim Pay Hen minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan strategi Kementerian bagi mendepani risiko kejatuhan nilai Ringgit yang semakin meruncing sekaligus meningkatkan kos sara hidup rakyat khususnya bahan makanan yang bergantung pada sumber import.

10. PN-1523-L09980

Puan Susan Chemerai Anding minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian di dalam *National Energy Transition Roadmap* (NETR) untuk memastikan standard alam sekitar yang lebih tinggi tidak akan mengakibatkan kos pengeluaran meningkat, dan menjurus kepada peningkatan harga barang yang akan membebankan rakyat.

11. PN-1523-L10477

Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah langkah Kerajaan bagi menggantikan Pangkalan Laut Tun Sharifah Rodziah yang akan ditamatkan operasi pada tahun 2026.

12. PN-1523-L09939

Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan :-

- (a) pencapaian sektor pertanian yang berfungsi sebagai pembekal sumber makanan kepada negara; dan
- (b) perancangan Kementerian untuk meningkatkan pengeluaran produk pertanian bagi menampung stok makanan dalam negara dan mengurangkan kebergantungan negara kepada import.

13. PN-1523-L10124

Datuk Noraini binti Idris minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan :-

- (a) kriteria penilaian yang akan ditetapkan terhadap kemasukan kumpulan pertama bagi Fakulti Kecerdasan Buatan di Universiti Teknologi Malaysia (UTM); dan
- (b) bentuk galakan yang sedang dilaksanakan untuk mengimbangi nisbah kemasukan baharu ke universiti antara pelajar miskin luar bandar dari Sabah dan Sarawak dengan Semenanjung Malaysia.

14. PN-1523-L09947

Dato Dr. Nuing Jeluing minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-

- (a) apakah sebab-sebab kepada peningkatan kes penipuan (*scammers*) dan aktiviti pemerdagangan manusia serta apakah langkah yang terkini diambil oleh Kementerian untuk mencegah kes ini terus berlaku; dan

- (b) apakah faktor-faktor utama kepada berlakunya kes penipuan dan aktiviti pemerdagangan manusia ini melalui kajian yang telah dibuat oleh Kementerian.
15. PN-1523-L09823
Tuan Abun Sui Anyit minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang dilakukan Kementerian untuk memastikan perbelanjaan yang diperuntukkan kepada setiap negeri dan agensi agar benar-benar sampai kepada sasaran atau rakyat dan tanpa ketirisan dalam pelaksanaan projek-projek yang diluluskan.
16. PN-1523-L10164
Dato' Sri Vell Paari A/L Tun Samy Vellu minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah kedudukan Malaysia dalam Global Food Security Index (GFSI) dan apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kementerian untuk meningkatkan pemeringkatan (ranking) Malaysia dalam GFSI.
17. PN-1523-L10191
Dato' Juhanis binti Abd Aziz minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan usaha Kerajaan dalam menangani kekurangan guru-guru opsyen tertentu bagi memastikan kekurangan guru pada masa hadapan dapat diatasi.
18. PN-1523-L10058
Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah Bin Aman minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan langkah-langkah yang telah dan bakal diambil bagi memastikan kos penerbangan ke Wilayah Persekutuan Labuan dan dari sana dapat dikurangkan agar lebih ramai pengunjung dapat berkunjung ke Wilayah Persekutuan Labuan sekaligus membantu ekonomi penduduk tempatan.
19. PN-1523-L10359
Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj. Ibrahim minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sejauh manakah kesiapsiagaan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam membasmi sifar sampah di dalam longkang dengan keadaan hujan kerap berlaku menyebabkan kebanyakan tempat terkena banjir kilat.

20. PN-1523-L10411
Puan Noorita binti Sual minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan bagaimana Kerajaan menangani masalah jangka panjang yang disebabkan oleh kenaikan harga barang dan menyebabkan kos sara hidup semakin meningkat.
21. PN-1523-L10205
Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perkembangan usaha untuk menyelaraskan undang-undang syariah untuk diseragamkan di seluruh negeri-negeri.
22. PN-1523-L09877
Datuk Wira Koh Nai Kwong minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah sinergi Kementerian bersama-sama pihak berkepentingan yang lain yang telah dilaksanakan terhadap cadangan supaya syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) atau swasta terpilih mengambil alih pengurusan sebahagian institusi Latihan dan Pendidikan Teknikal dan Vokasional (TVET) bagi mengurangkan isu ketidakpadanan pekerjaan.
23. PN-1523-L10374
Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan sejauh manakah komitmen dan pelaksanaan yang telah diusahakan oleh pihak Kementerian dalam mencapai matlamat penghapusan tol di lebuhraya.
24. PN-1523-L10498
Tuan Haji Hussin bin Ismail minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan inisiatif Kerajaan dalam usaha mengurangkan beban rakyat setelah pengumuman mengenai subsidi ayam dihentikan bermula 1 November 2023.
25. PN-1523-L09843
Datuk Razali bin Idris minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan keberkesanan Program Khas Beras Putih Tempatan, pelantikan FAMA, FELDA, dan FELCRA untuk membekalkan beras tempatan, mengenakan had pembelian beras serta melancarkan Ops Beras Putih Tempatan 2.0 bagi mengekang kenaikan harga import beras dan pengurangan bekalan beras putih tempatan di negara ini.

26. PN-1523-L09858
Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan pendirian terkini Kerajaan berkenaan pengiktirafan Sijil Peperiksaan Bersepadu (Unified Examination Certificate, UEC).
27. PN-1523-L10134
Datin Ros Suryati binti Alang minta **PERDANA MENTERI** menyatakan model pelaburan yang diguna pakai Kerajaan dalam projek pemerangkapan, penggunaan dan penyimpanan karbon di Malaysia bersama PETRONAS.
28. PN-1523-L10542
Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan pelan jangka panjang bagi meningkatkan penghasilan lateks negara dan pelan mengurangkan import lateks.
29. PN-1523-L10060
Datuk Bobbey Bin Suan minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan usaha drastik yang telah dilaksanakan oleh Kementerian bagi mengatasi kes salah guna media sosial seperti penyebaran kandungan berunsurkan maklumat palsu dan ucapan berbentuk kebencian serta tidak menghormati institusi raja-raja.
30. PN-1523-L09974
Tuan Manolan bin Mohamad minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan apakah perincian aktiviti ekonomi untuk menggalakkan penglibatan wanita minoriti Orang Asli supaya mereka dapat membantu keluarga dalam menjana pendapatan.
31. PN-1523-L10311
Tuan Mohd Hasbie bin Muda minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan polisi terkini Kerajaan dalam isu penindasan terhadap etnik Uighur di wilayah Xinjiang dan apakah langkah Kerajaan dalam membantu etnik tersebut.
32. PN-1523-L10460
Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah langkah Kerajaan untuk mengukuhkan kembali nilai ringgit yang semakin melemah.

33. PN-1523-L09963
Datuk Bobbey Bin Suan minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan inovasi baharu Ekonomi MADANI yang berbeza dengan Dasar Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 bagi menjayakan sasaran meletakkan Malaysia di kedudukan 30 ekonomi terbesar dunia.
34. PN-1523-L10445
Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan usaha-usaha Kementerian dalam menangani isu penggunaan rokok elektronik atau *vape* dalam kalangan pelajar sekolah.
35. PN-1523-L10276
Tuan Jaziri Alkaf Abdillah Suffian minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan indikator yang digunakan untuk mengukur kemajuan pelaksanaan matlamat pembangunan mampan (SDG) di Malaysia.
36. PN-1523-L10456
Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kesediaan Kerajaan untuk membentangkan Rang Undang-Undang bagi menjamin kesamarataan peruntukan untuk setiap Ahli Dewan Negara dan Ahli Dewan Rakyat tanpa mengira latar belakang politik mereka.
37. PN-1523-L10609
Dato' Kesavadas A/L A.Achyuthan Nair minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimana penubuhan Pasukan Petugas Khas Reformasi Sektor Awam (STAR) berupaya mereformasi institusi Pejabat Menteri dan Pejabat Timbalan Menteri agar kredibiliti setiap pegawai yang dilantik benar-benar memadai dengan emolumen bulanan yang dibayar kepada mereka khususnya pegawai-pegawai lantikan daripada luar (bukan PTD).
38. PN-1523-L10337
Dato' Ajis bin Sitin minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan :-
- (a) siapakah NGO berkaitan Orang Asli yang mengaku dibayar pihak luar untuk sengaja mencetuskan isu panas berkaitan tanah Orang Asli; dan
 - (b) Suruhanjaya manakah yang mahukan Orang Asli di negara ini mundur dan hidup terbiar.

39. PN-1523-L10506

Dato' Haji Husain bin Awang minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah usaha oleh Kerajaan yang selaras dengan dasar Ekonomi MADANI untuk memerangi rasuah agar kedudukan Indeks Persepsi Rasuah Malaysia dapat mencapai skor yang lebih baik.

40. PN-1523-L10210

Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Che Salleh minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan sama ada Kementerian bercadang untuk mengkaji semula dan menambah baik spesifikasi rumah dalam Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) supaya dapat memberi keselesaan kepada masyarakat luar bandar.

41. PN-1523-L09919

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan cara kualiti peperiksaan sekolah menengah dinilai oleh Kementerian. Apakah kaedah khusus yang digunakan dalam mengukur standard dan kualiti peperiksaan di sekolah menengah selepas pembubaran Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3) dari segi isi kandungan dan juga keberkesanan pembelajaran.

42. PN-1523-L10092

Datuk Dr. Haji Azhar bin Ahmad minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan tindakan Kerajaan dalam membanteras kemasukan dan kebanjiran pendatang asing tanpa izin (PATI) ke dalam Malaysia kerana dilihat golongan ini semakin berani memunculkan diri di tempat-tempat awam di dalam negara kita ini.

43. PN-1523-L10431

Dato' Dr. Nelson A/L Renganathan minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan tindakan yang dilakukan Kementerian bagi memastikan sijil Latihan dan Pendidikan Teknikal dan Vokasional (TVET) yang dikeluarkan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) Malaysia diberi pengiktirafan yang sewajarnya terutamanya oleh industri swasta bagi tujuan mendapatkan peluang pekerjaan dengan gaji yang kompetitif.

44. PN-1523-L10012

Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan apakah langkah-langkah khusus yang diambil oleh Kementerian bagi membendung isu kenaikan harga barangan keperluan harian dan apakah kaedah bagi pengawalan harga barangan setiap kali berlakunya musim perayaan.

45. PN-1523-L09907

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan apakah usaha Kementerian dalam menggubal garis panduan perfileman asing dan tempatan yang mampu meningkatkan daya saing negara untuk menjadi destinasi penggambaran. Adakah garis panduan yang sedia ada akan diperbaharui supaya filem tempatan dapat dielakkan dari disekat selepas ia telah dikeluarkan sebagai contoh filem Mentega Terbang.

46. PN-1523-L10486

Tuan Haji Hussin bin Ismail minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan jaminan dan penegasan Kerajaan dalam memastikan sistem saliran yang menyalurkan bahan kumbahan dan buangan perumahan tidak dialirkan ke sungai dan laut bagi menjamin ekosistem dan kepelbagaian alam semula jadi sungai serta laut negara terpelihara.

47. PN-1523-L10310

Tuan Jaziri Alkaf Abdillah Suffian minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah Kementerian telah membuat pemetaan (*mapping*) untuk menentukan keperluan industri supaya dapat dipenuhi dan tidak berlaku ketidakpadanan serta dapat memenuhi penawaran dan permintaan (*supply and demand*) industri.

48. PN-1523-L10533

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan usaha Polis Diraja Malaysia (PDRM) dalam menambahbaik tatacara pengendalian piawai (SOP) sekatan jalan raya yang mendapat banyak bantahan dan rungutan pengguna jalan raya akibat kesesakan yang melampau.

49. PN-1523-L10553

Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan hasrat Kementerian untuk menambah bilangan pakar perubatan terutamanya dalam subkepakaran seperti pakar pembedahan vaskular terutamanya di wilayah utara.

50. PN-1523-L10389

Datuk Paul Igai minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kementerian berhasrat untuk memasang kamera AES/AWAS (*Automated Enforcement System*) di kawasan terpilih untuk mengurangkan kemalangan melibatkan kesalahan berkaitan dengan had laju di Lebuhraya Pan Borneo yang kerap berlakunya kemalangan berpunca daripada had kelajuan.

51. PN-1523-L10284

Tuan Mohd Hasbie bin Muda minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah Sekolah Agama Rakyat yang belum berdaftar dengan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan apakah usaha yang diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi masalah ini.

52. PN-1523-L10172

Tuan Aknan A/L Ehtook minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan jumlah peruntukan yang digunakan dan kumpulan sasaran dalam melaksanakan program Tuisyen KAMI. Berapa bilangan murid yang mendapat manfaat daripada program ini dan berdasarkan penilaian yang dibuat adakah program ini akan diteruskan bagi tahun-tahun berikutnya.

53. PN-1523-L09981

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status terkini bagi usaha Wakaf MADANI yang telah dinyatakan dalam Belanjawan 2023 pada bulan Februari yang lalu.

54. PN-1523-L09927

Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan :-

- (a) langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk mempromosikan penggunaan tenaga boleh baharu di Malaysia seperti tenaga solar, tenaga biojisim, tenaga biogas dan sebagainya; dan
- (b) perancangan Kementerian untuk meningkatkan pemanfaatan tenaga boleh baharu pada masa hadapan.

55. PN-1523-L10427

Datuk Haji Mustafa bin Musa minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan prestasi jumlah pelaburan dan rosot nilai yang dialami oleh anak-anak Syarikat MARA, FELCRA, RISDA dan Agensi Pembangunan Wilayah dari 2021 sehingga 2023 serta bagaimana fokus terkini bagi meningkatkan prestasi anak-anak syarikat ini pada 2024.

56. PN-1523-L10586

Tuan Amir bin Md Ghazali minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- (a) status penyelenggaraan tandas sekolah; dan

- (b) adakah ia akan diluaskan dengan peruntukan baharu ke seluruh Sekolah-sekolah Bantuan Kerajaan (SBK) dan Sekolah-sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) pada masa hadapan.
57. PN-1523-L09836
Tuan Abun Sui Anyit minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan statistik terkini pendaftaran ke universiti-universiti awam tempatan berbanding yang menolak tawaran atau tidak berjaya mendaftar sebagai pelajar dan apakah alasan pelajar tidak berjaya mendaftar ke universiti.
58. PN-1523-L10104
Datuk Noraini binti Idris minta **PERDANA MENTERI** menyatakan daerah-daerah tumpuan di negeri Sabah yang akan dijayakan dengan Program Komuniti MADANI dan bagaimanakah program tersebut berupaya mendorong para penggiat PMKS di kawasan luar bandar untuk mengetengahkan nilai komersial bagi produk serta perkhidmatan yang mereka usahakan.
59. PN-1523-L10335
Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj. Ibrahim minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk menambah baik Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan supaya ia lebih ketat pada tahun 2024 memandangkan harga barang keperluan semakin meningkat sejak kebelakangan ini.
60. PN-1523-L09887
Datuk Haji Aziz bin Ariffin minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan langkah lain yang diguna pakai oleh Kementerian selain menjalankan pemantauan harga ayam dari peringkat ladang sehingga ke *outlet* peruncitan bagi memastikan harga ayam tidak melambung tinggi setelah ia diapungkan pada 1 November lalu.
61. PN-1523-L10364
Tuan Roderick Wong Siew Lead minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada rancangan untuk pembinaan klinik pergigian baharu di Klinik Kesihatan Bintangor, Sarikei akan diteruskan dan apakah perkembangan terbaru berkenaan hal tersebut.

62. PN-1523-L10168

Tuan Aknan A/L Ehtook minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan bilangan pelajar berketurunan Siam yang telah ditawarkan tempat di setiap Universiti Awam bagi setiap tahun dari 2018-2023 dan bilangan pelajar berketurunan Siam yang ditawarkan pembiayaan pendidikan oleh JPA dan MARA di dalam dan luar negara dalam tempoh yang sama.

63. PN-1523-L10600

Datuk Haji Mustafa bin Musa minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan sejauh manakah rancangan dan inisiatif Kementerian untuk meningkatkan keyakinan pelabur dan pengguna melalui Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR) di negeri Melaka serta bagaimana usaha menarik pelaburan efektif pada tahun 2024 hingga 2025 dan mencapai sasaran 2050.

64. PN-1523-L10241

Dato' Shamsuddin bin Haji Abd Ghaffar minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah usaha pihak Kerajaan untuk meningkatkan pendapatan para pesawah padi supaya menjadi dorongan buat pesawah bagi meningkatkan tahap keberhasilan demi keterjaminan makanan negara.

65. PN-1523-L10144

Dato' Sri Vell Paari A/L Tun Samy Vellu minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bolehkah Malaysia mewujudkan satu bentuk organisasi yang terdiri daripada Ahli-ahli Parlimen ASEAN sama seperti yang dilakukan oleh Kesatuan Eropah yang mempunyai Ahli Parlimen mereka sendiri untuk berbincang isu-isu berkaitan kepentingan negara-negara ASEAN dan juga mewujudkan satu hab politik ASEAN di Malaysia di mana ia menjadi ibu pejabat bagi Ahli-ahli Parlimen ASEAN.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. (D.R.30/2023) Rang Undang-Undang Kesatuan Sekerja (Pindaan) 2023 **Bacaan Kali Kedua**

[Menteri Sumber Manusia]

2. (D.R.27/2023) Rang Undang-Undang Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (Pindaan) 2023 **Bacaan Kali Kedua**

[Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar Dan Perubahan Iklim]

3. (D.R.31/2023) Rang Undang-Undang Perbekalan 2024 **Bacaan Kali Kedua**

[Menteri Kewangan]

4. *(D.R.36/2023) Rang Undang-Undang Kewangan (No.2) 2023 **Bacaan Kali Kedua**

[Menteri Kewangan]

5. (D.R.28/2023) Rang Undang-Undang Kecekapan dan Konservasi Tenaga 2023 **Bacaan Kali Kedua**

[Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar Dan Perubahan Iklim]

6. (D.R.29/2023) Rang Undang-Undang Bekalan Elektrik (Pindaan) 2023 **Bacaan Kali Kedua**

[Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar Dan Perubahan Iklim]

*Menandakan bahawa Rang Undang-undang ini akan dipertimbangkan pada semua Peringkat oleh Dewan Negara tertakluk kepada Rang Undang-undang tersebut diserahkan oleh Dewan Rakyat.

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN NEGARA)**

<u>TAHUN 2023</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
ST 174	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM) Bagi Tahun 2021	28 November 2023
ST 175	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) Bagi Tahun 2021	28 November 2023
ST 176	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) Bagi Tahun 2022	28 November 2023
ST 181	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Harga Pindahan) 2023 P.U. (A) 165/2023 diwartakan pada 29 Mei 2023	28 November 2023
ST 182	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Perkiraan Harga Awal) 2023 P.U. (A) 166/2023 diwartakan pada 29 Mei 2023	28 November 2023
ST 183	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan daripada Saraan) (Pindaan) 2023 P.U. (A) 230/2023 diwartakan pada 31 Julai 2023	28 November 2023
ST 184	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Perbelanjaan berhubung dengan Penyenaaraian di Pasaran Utama, Pasaran Akses, Pasti, Cekap (ACE) atau Pasaran Platform Pengembangan Usahawan Unggul (LEAP) di Bursa Malaysia Securities Berhad) 2023 P.U. (A) 235/2023 diwartakan pada 7 Ogos 2023	28 November 2023
ST 185	AKTA DUTI TIMBAL BALAS DAN ANTILAMBAKAN 1993 DAN AKTA KASTAM 1967 Perintah Kastam (Duti Anti-Lambakan Sementara) 2023 P.U. (A) 169/2023 diwartakan pada 31 Mei 2023	28 November 2023
ST 186	AKTA DUTI TIMBAL BALAS DAN ANTILAMBAKAN 1993 DAN AKTA KASTAM 1967 Perintah Kastam (Duti Anti-Lambakan) (No. 3) 2020 (Pindaan) 2023 P.U. (A) 190/2023 diwartakan pada 26 Jun 2023	28 November 2023

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN NEGARA)**

<u>TAHUN</u> <u>2023</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH</u> <u>DIBENTANGKAN</u>
ST 187	AKTA DUTI TIMBAL BALAS DAN ANTILAMBAKAN 1993 DAN AKTA KASTAM 1967 Perintah Kastam (Duti Anti-Lambakan) (No. 2) 2019 (Pindaan) 2023 P.U. (A) 191/2023 diwartakan pada 26 Jun 2023	28 November 2023
ST 188	AKTA DUTI TIMBAL BALAS DAN ANTILAMBAKAN 1993 DAN AKTA KASTAM 1967 Perintah Kastam (Duti Anti-Lambakan) (Kajian Semula Pentadbiran) (No. 3) 2021 (Pindaan) 2023 P.U. (A) 192/2023 diwartakan pada 26 Jun 2023	28 November 2023
ST 189	AKTA DUTI TIMBAL BALAS DAN ANTILAMBAKAN 1993 DAN AKTA KASTAM 1967 Perintah Kastam (Duti Anti-Lambakan) (No. 3) 2020 (Pindaan) (No. 2) 2023 P.U. (A) 214/2023 diwartakan pada 17 Julai 2023	28 November 2023
ST 190	AKTA DUTI TIMBAL BALAS DAN ANTILAMBAKAN 1993 DAN AKTA KASTAM 1967 Perintah Kastam (Duti Anti-Lambakan) (Kajian Semula Pentadbiran) 2023 P.U. (A) 225/2023 diwartakan pada 25 Julai 2023	28 November 2023
ST 195	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Putrajaya Bagi Tahun 2021	28 November 2023
ST 197	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH) Bagi Tahun 2021	28 November 2023
ST 198	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA) Bagi Tahun 2021	28 November 2023
ST 199	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA) Bagi Tahun 2021	28 November 2023

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN NEGARA)**

<u>TAHUN 2023</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
ST 200	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR) Bagi Tahun 2021	28 November 2023
ST 201	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA) Bagi Tahun 2021	28 November 2023
ST 202	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Yayasan Laporan Kewangan (FRF) Bagi Tahun 2022	28 November 2023
ST 203	AKTA DUTI TIMBAL BALAS DAN ANTILAMBAKAN 1993 AKTA KASTAM 1967 Perintah Kastam (Duti Anti-Lambakan) 2023 P.U. (A) 285/2023 diwartakan pada 27 September 2023	28 November 2023
ST 204	AKTA KASTAM 1967 Perintah Duti Kastam (Barang-Barang di bawah Perjanjian Perdagangan Keutamaan di Kalangan Negara-Negara Anggota D-8) 2023 P.U. (A) 291/2023 diwartakan pada 29 September 2023	28 November 2023
ST 205	AKTA KASTAM 1967 Perintah Duti Kastam (Barang-Barang di bawah Perjanjian Rangka Kerja Sistem Keutamaan Perdagangan di Kalangan Negara-Negara Anggota Pertubuhan Kerjasama Islam) 2023 P.U. (A) 293/2023 diwartakan pada 29 September 2023	28 November 2023
ST 207	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) Bagi Tahun 2021	28 November 2023
ST 208	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Perwira Niaga Malaysia (PERNAMA) Bagi Tahun 2021	28 November 2023
ST 209	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Perwira Harta Malaysia (PPHM) Bagi Tahun 2021	28 November 2023
ST 210	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (PERHEBAT) Bagi Tahun 2021	28 November 2023

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN NEGARA)**

<u>TAHUN 2023</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
ST 211	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) Bagi Tahun 2021	28 November 2023
ST 212	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Yayasan Tunku Abdul Rahman (YTAR) Bagi Tahun 2022	28 November 2023
ST 213	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Tabung Haji Bagi Tahun 2022	28 November 2023
ST 216	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Malaysia Kelantan Bagi Tahun 2022	28 November 2023
ST 217	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) Bagi Tahun 2022	28 November 2023
ST 219	AKTA PETROLEUM (CUKAI PENDAPATAN) 1967 Perintah Petroleum (Cukai Pendapatan) (Pengecualian) 2023 P.U. (A) 337/2023 diwartakan pada 7 November 2023	28 November 2023
ST 220	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Bank Simpanan Nasional Bagi Tahun 2022	28 November 2023
ST 222	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja Bagi Tahun 2022	28 November 2023